

20/12/2000

Antara tugas utama Rasul satukan umat

Mohamad Zaki Husin

KEBIMBANGAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap perpaduan umat Islam yang semakin meruncing, khususnya di Malaysia, tidak perlu dipandang ringan. Perdana Menteri menyifatkan perpecahan itu, lambat-laun akan menyebabkan umat Islam menjadi lemah dan akhirnya akan menerima nasib seperti penduduk Bosnia-Herzegovina, Kosovo dan Palestin.

Sehubungan itu, umat Islam perlu mengimbuu dan menghayati perpaduan yang dibawa oleh Islam.

Di antara tugas utama Rasulullah saw diutuskan untuk menyatupadukan umat dengan menekankan kepentingan berakhlak mulia, kasih mengasihi antara satu sama lain dan mengelakkan rasa kebencian dan permusuhan sesama sendiri.

Perpaduan umat Islam menjadi longgar dan rapuh akibat timbulnya sikap prasangka, dendam mendendam dan suka menyalahi orang lain tanpa menyedari kesalahan diri sendiri.

Justeru, Allah berfirman yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu banyak berprasangka, sesungguhnya ia adalah dosa dan janganlah kamu mencari kesalahan orang lain, dan jangan pula sebahagian kamu mengumpat yang lain.

"Sukakah salah seorang daripada kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Maka bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Penyayang." (Surah al-Hujuraat, ayat 12).

Umat Islam hendaklah sentiasa bersatu padu, hormat menghormati dan saling memaafi antara satu sama lain. Umat Islam mesti berusaha membina kekuatan supaya tidak dipandang hina dan ditindas oleh orang lain.

Umat Islam diibarat satu binaan oleh Rasulullah saw sebagaimana sabdanya yang bermaksud: Daripada Abu Musa ra daripada Nabi saw sabdanya:

"Sesungguhnya seseorang mukmin terhadap mukmin yang lain bagaikan sebuah bangunan, sebahagiannya mengukuhkan (membantu) yang lain." (ketika berkata, Rasulullah menunjuk sambil merapatkan jari-jari). Hadis riwayat Bukhari dan Muslim.

Umat Islam yang ingin kukuh dan kuat mesti sanggup berganding bahu, memupuk sifat kasih sayang, membina sikap suka bantu membantu di antara satu sama lain, mempunyai sensitiviti tinggi terhadap sesama umat Islam yang ditimpa musibah dan kesusahan.

Nabi saw memberi peringatan melalui Nu'man bin Basyir ra dengan sabdanya yang bermaksud: "Kelihatan orang-orang yang beriman itu saling kasih mengasihi, saling cinta mencintai dan saling tolong menolong seperti batang tubuh. Jika ada salah satu anggota yang terkena sakit, maka seluruh tubuh akan ikut berasa sakit, berjaga malam dan menderita kepanasan."

Sebaliknya Allah melarang keras umat Islam mencaci maki, menghina dan merendah-rendahkan saudara Islamnya yang lain.

Ini boleh menimbulkan ketegangan dan membangkitkan rasa kemarahan dan akhirnya mencetus permusuhan dan pergaduhan. Firman Allah yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman, janganlah satu kaum memperolok-olok kaum yang lain, kerana boleh jadi kaum yang dihinakan itu lebih baik dari mereka, dan jangan pula wanita mengolok-olakkan wanita lain, kerana boleh jadi wanita (yang diperolok-olakkan itu) lebih baik daripada wanita (yang mengolok-olakkan) dan janganlah kamu mencela dirimu sendiri, dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim." (Surah al-Hujuraat, ayat 11).

Islam juga menegah umatnya berpecah-pecah dan saling menyalahi antara

satu sama lain. Justeru, umat Islam dianjurkan supaya kembali kepada Allah dan rasul-Nya jika menghadapi sesuatu kesulitan.

Umat Islam disarankan supaya sentiasa berpegang teguh dengan ajaran Allah. Umat Islam diingatkan supaya sentiasa mengkaji sejarah silam.

Umat Islam diminta supaya mengukuhkan perpaduan, selain mengelak perseteruan sesama sendiri, firman Allah yang bermaksud: "Dan berpeganglah kamu semua dengan tali (agama) Allah, dan janganlah kamu berpecah-belah, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu, ketika kamu dulu bermusuhan, maka Allah mempersatukan hati kamu, sehingga kamu menjadi bersaudara dengan nikmatnya; dan (ketika) kamu berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya supaya kamu mendapat petunjuk." (Surah Ali Imran, ayat 103).

Ayat di atas perlu menjadi iktibar kepada umat Islam. Allah memberi peringatan ini dengan harapan umat Islam tidak akan mengikut jejak langkah bangsa Arab yang hidup bermusuhan, bersengketa dan berperang sebelum kedatangan Islam. Sekiranya Allah tidak mengutuskan Muhammad saw, nescaya mereka akan jatuh ke jurang kehancuran dan kemusnahan.

Demikianlah umat Islam kini, jika tidak berpegang dengan ajaran Islam, sebaliknya saling bermusuhan antara satu sama lain, maka mereka juga akan lemah dan akhirnya akan ditindas dan dihina oleh orang lain.

Justeru untuk memastikan umat Islam tidak ditimpa azab dan bala oleh Allah, akibat perseteruan dan persengketaan sesama sendiri, maka setiap pihak perlu mencari formula terbaik untuk menyelesaikan masalah itu.

Kepentingan diri dan puak serta kelompok harus dikesampingkan. Hindarkan rasa curiga-mencurigai. Hurlurkan salam kemaafan sebagai tanda perdamaian jika sebelum ini ada pertelingkahan.

Umat Islam yang baik adalah mereka yang ikhlas dan berusaha untuk berdamai. Allah menyarankan dalam firman-Nya, yang bermaksud: "Taatlah kamu kepada Allah rasul-Nya dan janganlah kamu bertengkar-tengkar, nanti kamu akan kecewa (gagal) serta hilang kekuatanmu dan bersabarlah, sesungguhnya Allah berserta dengan orang-orang yang sabar." (Surah an-Anfal, ayat 46).

Sekiranya usaha perdamaian menemui jalan buntu, umat Islam hendaklah kembali kepada Allah dan rasul-Nya. Mereka hendaklah pasrah dan bertawakal kepada Allah.

Firman Allah yang bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman, taatlah Allah dan taatlah rasul dan orang-orang yang memerintah kamu. Kemudian jika kamu bertentangan pendapat mengenai sesuatu, maka kembalilah kepada Allah (al-Quran) dan Rasul (sunah), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu)." (Surah an-Nisa, ayat 59).

(END)